

## Malaysia My Second Home: Isu Bahasa Dalam Kalangan Peserta Jepun

0989120

*Siti Hamin Stapa*

*[sitihami@ukm.my](mailto:sitihami@ukm.my)*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Natsue Hieda*

*[hieda@ukm.my](mailto:hieda@ukm.my)*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Normalis Amzah*

*[normalis@ukm.my](mailto:normalis@ukm.my)*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Musaev Talaibek*

*[musaev@um.edu.my](mailto:musaev@um.edu.my)*

*Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah  
Fakulti Bahasa dan Linguistik  
Universiti Malaya*

### ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan isu bahasa dalam kalangan peserta warga Jepun yang menyertai program Malaysia My Second Home (MM2H). Metodologi kajian yang diguna pakai adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Data kajian diperolehi melalui kaedah soal selidik, diskusi kumpulan serta temu ramah individu. Seramai 100 orang peserta rakyat Jepun dipilih untuk mengisi borang soal selidik. Manakala lima orang peserta telah ditemu bual secara berkumpulan. Untuk temu bual individu pula dua orang rakyat Jepun telah dipilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta rakyat Jepun yang terlibat di dalam program MM2H memilih Malaysia kerana 'harga barang murah' dan 'cuaca yang sesuai'. Hasil kajian mengenai isu penggunaan bahasa menunjukkan bahasa pilihan rakyat Jepun untuk berinteraksi di Malaysia lebih berpihak kepada bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa rasmi negara ini, iaitu bahasa Melayu. Ini adalah kerana mereka mempunyai lebih banyak pengalaman mempelajari bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu. Tanpa interaksi yang mencukupi dengan orang tempatan menyebabkan tahap penguasaan kedua-dua bahasa mereka masih di peringkat asas. Walaupun begitu mereka boleh meneruskan kehidupan mereka di Malaysia disebabkan persekitaran yang menyediakan perkhidmatan kepada mereka dalam bahasa Jepun. Namun mereka berpendapat terdapat keperluan untuk mereka meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Keinginan mempelajari bahasa-bahasa tersebut mencerminkan sikap mereka yang mengharap agar kehidupan

mereka lebih mudah dan dapat menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan masyarakat tempatan pada masa hadapan.

**Katakunci:** Malaysia My Second Home; peserta Jepun; penguasaan bahasa; pemilihan bahasa; sikap bahasa

## **Malaysia My Second Home: Language Issues Among Japanese Participants**

### **ABSTRACT**

The objective of this article is to investigate language issues faced by the Japanese participants of Malaysia My Second Home Programme (MM2H). The research method utilized for this study is both quantitative and qualitative. Data was collected through questionnaires, focus group interview as well as personal interview. Altogether 100 Japanese participants were selected to answer the questionnaires. Five participants were involved in the focus group interview and two were selected for the personal interview. The findings of the study reveal that the main attraction of joining this MM2H programme is the “reasonable price of goods” in Malaysia and the “suitable weather” of the country. Findings about the use of language show that the English language use among the participants is higher compared to Malay which is the national language of the country. This is due to the fact that they have more experience learning English rather than Malay. Without sufficient interaction with the locals, their proficiency levels for both languages were just basic. However, they could live their life here in Malaysia as they have a strong support system in Japanese. Despite that, they feel that there is a need to upgrade their proficiency in English and Malay. Their willingness to study English and Malay shows that they are in favor of an easier life and to have good relationships with the locals.

**Keywords:** Malaysia My Second Home; Japanese participants; language proficiency; language choice; language attitude

### **PENGENALAN**

Pada zaman globalisasi, peranan sempadan negara semakin pudar dan manusia semakin cenderung merantau melangkaui sempadan dalam mencapai pelbagai tujuan hidup. Penghijrahan dari satu negara ke satu negara yang lain menjadi semakin popular kerana kurangnya karenah birokrasi berserta wujudnya program khas seperti Long Stay yang menggalakkan perpindahan orang yang telah bersara untuk menikmati tempoh persaraan, Exchange Students Scholarship untuk menggalakkan perpindahan pelajar demi menimba ilmu di negara asing, atau Foreign Talent yang menggalakkan kehadiran pakar-pakar dari negara maju berkhidmat di negara membangun. Salah satu fenomena yang signifikan sekarang di Malaysia ialah penghijrahan pesara warga Jepun ke Malaysia. Apabila dibuat tinjauan, bilangan peserta warga Jepun yang menyertai program Malaysia My Second Home (MM2H) menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun (Embassy of Japan in Malaysia, 2010). Pada satu masa program ini begitu popular di kalangan penduduk Jepun

sehingga Malaysia menjadi pilihan pertama untuk berhijrah (Long Stay Foundation, 2010).

Walaupun program ini sudah menjadi begitu popular di kalangan rakyat Jepun, tetapi terdapat isu yang timbul seperti wujudnya perbezaan budaya dan bahasa di antara kedua-dua negara. Kaji selidik dan sesi temubual dijalankan dengan rakyat Jepun yang menyertai program MM2H untuk mengenal pasti masalah yang mereka hadapi. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti cara-cara memperbaiki keadaan ini serta meninjau langkah-langkah yang boleh diambil bagi mencapai matlamat tersebut.

### MM2H DAN PESERTA WARGA JEPUN

MM2H adalah satu program yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk rakyat asing yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh untuk diberikan visa menetap selama sepuluh tahun. Bagi membolehkan rakyat asing menjadi peserta MM2H, mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Jadual 1 menunjukkan syarat asas peserta MM2H yang diambil dari laman web rasmi Kementerian Pelancongan Malaysia (2010).

JADUAL 1. Syarat asas peserta MM2H

|                                         | Kandungan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Syarat asas                             | <ul style="list-style-type: none"><li>- Semua rakyat negara yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia tanpa sekatan bangsa, agama, jantina dan usia.</li><li>- Pemohon dibenarkan membawa suami/isteri, ibu bapa (berumur melebihi 60 tahun) dan anak-anak (berumur kurang 21 tahun yang tidak berkahwin).</li><li>- Pasangan warga asing orang Malaysia.</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Keperluan kewangan (Sebelum permohonan) | <ul style="list-style-type: none"><li>- Pemohon yang berumur kurang 50 tahun harus mempunyai aset bernilai melebihi RM500,000 serta pendapatan dari luar pesisir melebihi RM10,000 setiap bulan.</li><li>- Pemohon yang berumur melebihi 50 tahun harus mempunyai aset bernilai melebihi RM350,000 serta pendapatan dari luar pesisir melebihi RM10,000 setiap bulan.</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| Keperluan kewangan (Selepas kelulusan)  | <ul style="list-style-type: none"><li>- Pemohon yang berumur kurang 50 tahun harus membuka akaun simpanan tetap sebanyak RM300,000. Selepas 1 tahun, setengah dari akaun tersebut boleh dikeluarkan tetapi lebih RM150,000 yang tinggal harus disimpan sehingga tamat tempoh penyertaan program.</li><li>- Pemohon yang berumur melebihi 50 tahun harus membuka akaun simpanan tetap sebanyak RM150,000 atau menunjukkan bukti penerimaan pencen melebihi RM10,000 setiap bulan. Selepas 1 tahun, RM50,000 dari akaun tersebut boleh dikeluarkan tetapi lebih RM100,000 yang tinggal harus disimpan sehingga tamat tempoh penyertaan program.</li></ul> |

Sebagai peserta MM2H, warga asing diberikan hak istimewa seperti kebenaran membeli rumah berharga melebihi RM250,000, kebenaran membeli atau mengimport kereta, kebenaran mendaftarkan anak-anak sama ada di sekolah swasta atau universiti, kebenaran

pengecualian cukai daripada pencen yang diperolehi dari negara luar dan kebenaran bekerja sambil secara profesional.

Objektif utama MM2H adalah untuk menggalakkan sektor pelancongan di Malaysia. Di samping itu program ini juga diharapkan dapat menarik pelabur asing untuk menggalakkan lagi ekonomi domestik (Ono, 2008). Pada awalnya program seumpama ini dimulakan pada tahun 1996 dengan nama Silver Hair Programme bertujuan menarik golongan pesara dari negara luar untuk tinggal lama dan membeli hartanah di Malaysia. Program ini menjadi pencetus kepada MM2H iaitu pada tahun 2002 ianya ditukar namanya. Jadual 2 menunjukkan taburan peserta MM2H mengikut negara dari tahun 2003 hingga 2010.

JADUAL 2. Jumlah peserta MM2H mengikut negara

|    |               | 2003         | 2004         | 2005         | 2006         | 2007         | 2008         | 2009         | 2010         | Jumlah        |
|----|---------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| 1  | China         | 521          | 468          | 502          | 242          | 90           | 120          | 114          | 154          | 2,211         |
| 2  | Bangladesh    | 32           | 204          | 852          | 341          | 149          | 68           | 86           | 74           | 1,806         |
| 3  | UK            | 159          | 210          | 199          | 209          | 240          | 208          | 162          | 141          | 1,528         |
| 4  | Jepun         | 99           | 42           | 87           | 157          | 198          | 210          | 169          | 195          | 1,157         |
| 5  | Iran          | 2            | 8            | 7            | 9            | 59           | 227          | 212          | 227          | 751           |
| 6  | Singapura     | 143          | 91           | 62           | 94           | 58           | 48           | 61           | 73           | 630           |
| 7  | Taiwan        | 95           | 140          | 186          | 63           | 31           | 16           | 36           | 49           | 616           |
| 8  | Pakistan      | 55           | 82           | 104          | 36           | 31           | 65           | 103          | 77           | 553           |
| 9  | India         | 123          | 118          | 80           | 51           | 46           | 32           | 35           | 51           | 536           |
| 10 | Indonesia     | 118          | 104          | 54           | 63           | 25           | 27           | 53           | 25           | 469           |
|    | Lain-lain     | 298          | 450          | 482          | 464          | 576          | 491          | 547          | 433          | 3,741         |
|    | <b>Jumlah</b> | <b>1,645</b> | <b>1,917</b> | <b>2,615</b> | <b>1,729</b> | <b>1,503</b> | <b>1,512</b> | <b>1,578</b> | <b>1,499</b> | <b>13,998</b> |

Menurut Siti Hamin, Normalis, Hieda dan Musaev (2010), terdapat dua faktor yang menarik perhatian peserta MM2H. Bagi mereka yang berasal dari negara maju, faktor kos sara hidup dan harga barangan yang murah menjadi daya penarik supaya mereka dapat menggunakan wang pencen secara stabil dan menjalani hidup yang agak senang. Bagi mereka yang berasal dari golongan kaya dari negara membangun, faktor penjagaan kesihatan dan pendidikan yang baik serta taraf kehidupan yang baik menjadi daya penarik.

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2, peserta MM2H yang keempat tertinggi adalah terdiri daripada rakyat Jepun. Antara tahun 2008 sehingga 2010, terdapat peningkatan di kalangan peserta Jepun dengan menduduki tangga kedua di belakang Iran. Salah satu faktor yang menyebabkan jumlah ini meningkat adalah usaha Kementerian Pelancongan Malaysia mempromosikan program ini. Contohnya paparan iklan MM2H yang meluas serta perlantikan agen-agen yang mempromosi pendaftaran MM2H. (Siti Hamin et al., 2010).

Di negara Jepun, sebuah badan berkanun yang dinamakan Long Stay Foundation, berperanan menggalakkan pesara Jepun untuk tinggal lama di negara luar pilihan mereka. Statistik berikut dikemukakan oleh Long Stay Foundation (2010) dan berdasarkan data yang didapati daripada responden yang terdiri daripada orang awam Jepun.

JADUAL 3. Pilihan warga Jepun sebagai destinasi untuk tinggal lama di negara luar

| 2000 |             |      | 2005               |      | 2006        |      |
|------|-------------|------|--------------------|------|-------------|------|
| No   | Negara      | %    | Negara             | %    | Negara      | %    |
| 1    | Australia   | 15.0 | Australia          | 16.3 | Malaysia    | 14.9 |
| 2    | Hawaii      | 10.1 | Malaysia           | 14.6 | Australia   | 14.0 |
| 3    | New Zealand | 10.0 | Hawaii             | 11.8 | Thailand    | 11.2 |
| 4    | Kanada      | 8.7  | New Zealand        | 11.4 | New Zealand | 10.5 |
| 5    | Sepanyol    | 8.2  | Thailand           | 11.0 | Hawaii      | 9.9  |
| 6    | UK          | 5.7  | Kanada             | 10.6 | Kanada      | 8.5  |
| 7    | Switzerland | 3.9  | Sepanyol           | 5.4  | Sepanyol    | 4.0  |
| 8    | Itali       | 3.9  | UK                 | 3.3  | Indonesia   | 3.2  |
| 9    | US          | 3.3  | US                 | 3.2  | UK          | 3.0  |
| 10   | Malaysia    | 3.0  | Perancis/Filliping | 2.6  | US          | 2.0  |
| 2007 |             |      | 2008               |      | 2009        |      |
| No   | Negara      | %    | Negara             | %    | Negara      | %    |
| 1    | Malaysia    | 19.3 | Malaysia           | 18.3 | Malaysia    | 16.6 |
| 2    | Australia   | 11.8 | Australia          | 11.6 | Hawaii      | 10.0 |
| 3    | Thailand    | 11.2 | Hawaii             | 10.4 | Australia   | 9.4  |
| 4    | Hawaii      | 10.2 | Thailand           | 10.0 | Thailand    | 8.7  |
| 5    | New Zealand | 9.5  | New Zealand        | 8.7  | New Zealand | 7.5  |
| 6    | Kanada      | 8.5  | Kanada             | 8.3  | Kanada      | 6.7  |
| 7    | Filliping   | 5.3  | Sepanyol           | 4.2  | Filliping   | 5.9  |
| 8    | Indonesia   | 3.6  | Indonesia          | 3.7  | Indonesia   | 3.3  |
| 9    | Sepanyol    | 3.1  | Filliping          | 3.7  | Sepanyol    | 3.2  |
| 10   | US          | 2.9  | US                 | 3.6  | US          | 2.9  |

Sekitar tahun 2000, Australia menjadi destinasi pilihan utama disebabkan oleh faktor kehidupan yang lebih baik berbanding negara Jepun (Nagatomo, 2007). Menurut statistik di atas, Malaysia menduduki hanya tempat kesepuluh pada tahun 2000, tetapi pada tahun 2006 hingga 2009, Malaysia melonjak ke tempat pertama untuk empat tahun berturut-turut. Salah satu faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi pilihan adalah kesan promosi yang agresif di Jepun. Akhbar berbahasa Inggeris, *The Star*, bertarikh 2hb Februari 2010 menyiarkan kenyataan Duta Besar Jepun ke Malaysia yang menyatakan beliau yakin Malaysia akan terus menjadi pilihan pertama rakyat Jepun untuk tinggal lama.

Usaha kerajaan Malaysia memperkenalkan MM2H telah menyebabkan pertambahan jumlah orang Jepun yang menyertai program ini dari tahun ke tahun walaupun perangkaan jumlah penduduk Jepun di Malaysia menunjukkan pengurangan. Menurut maklumat yang dikeluarkan oleh Kedutaan Jepun di Malaysia, faktor pengurangan ini disebabkan oleh kesan kejatuhan ekonomi Asia pada tahun 1997. Akibatnya, bermula tahun 2001 banyak syarikat Jepun di Malaysia memindahkan operasi syarikat mereka ke lokasi yang lebih kompetitif (Embassy of Japan in Malaysia, 2010).

Fenomena pesara berhijrah ke luar negara bukanlah perkara yang baru. Bermula seawal tahun 1970-an bertempat di Eropah Utara di mana terdapat ramai pesara daripada United Kingdom dan German berhijrah ke negara di sekitar kawasan Laut Mediterranean (King, Warnes & Williams, 2000). Penghijrahan ini masih berlaku di negara-negara Eropah pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, laporan yang dikeluarkan pada bulan Ogos tahun 2010 oleh syarikat perundingan dari United Kingdom, AON (2010) menunjukkan ramai pesara dari Eropah berhasrat untuk tinggal di negara yang

lebih panas seperti negara Sepanyol. Secara lebih konkrit, sebanyak 58% responden dari United Kingdom, German 54% dan Switzerland 47% berhasrat untuk berhijrah ke negara lain.

Berbanding dengan kes Eropah tersebut, sejarah penghijrahan pesara Jepun ke negara luar tidak begitu lama. Bermula dari akhir abad ke-19 sehingga 1970-an, kebanyakan penghijrahan disebabkan oleh faktor ekonomi terutama ke Brazil dan Hawaii. Tetapi sekarang kebanyakan golongan pertengahan yang memilih untuk berhijrah ke negara asing bukan lagi disebabkan oleh faktor ekonomi tetapi faktor-faktor yang lain (Ip, Wu & Inglis, 1998). Fenomena penghijrahan baru ini dinamakan sebagai *lifestyle migration* (penghijrahan disebabkan faktor cara hidup yang lebih baik) oleh Sato (2001) berbanding dengan *labor migration* (penghijrahan disebabkan faktor buruh). Menurut kajian Kubo dan Ishikawa (2004), faktor utama penghijrahan warga Jepun adalah keselesaan persekitaran, harga barang yang murah dan kepuasan hati terhadap cara hidup yang baru. Ini disebabkan masyarakat Jepun dipenuhi dengan kebimbangan ekonomi, kewajipan sosial dan perasaan tiada tujuan kehidupan. Walau bagaimanapun, tempoh penghijrahan warga Jepun lebih kepada jangka masa pendek kerana mereka lebih cenderung untuk kerap kembali ke negara asal.

#### PENGGUNAAN BAHASA DI KALANGAN MIGRAN JEPUN

Penghijrahan untuk faktor mencapai cara hidup yang lebih baik dan penghijrahan untuk mendapatkan pekerjaan memerlukan mereka menguasai bahasa tempatan dengan baik. Namun kerana faktor motivasi dan keperluan yang berbeza, hasrat tersebut sering terbengkalai begitu sahaja.

Menurut Masaki (2003) penghijrahan warga Jepun ke negara Brazil pada awal abad ke-20 disebabkan oleh faktor tenaga buruh. Mereka yang mengambil keputusan untuk berhijrah ke Brazil terpaksa menyesuaikan diri dengan budaya dan bahasa Brazil dengan baik. Mereka mempelajari bahasa Portugis, agama Katolik, masakan barat, jahitan pakaian barat dan sebagainya dengan bersungguh-sungguh di atas kapal yang menghala ke destinasi baru tersebut.

Sebaliknya, penghijrahan atas faktor gaya hidup yang lebih baik, kepentingan pembelajaran dan penguasaan bahasa tempatan menjadi kurang penting serta bergantung sepenuhnya pada kehendak diri penghijrah. Nagatomo (2008) melaporkan kes penghijrahan warga Jepun di Australia. Menurut kajian beliau, alasan utama responden memilih Australia ialah untuk membebaskan diri dari cara hidup yang dipenuhi dengan tekanan kerja. Sebab kedua ialah mereka berminat tinggal di negara yang berbahasa Inggeris. Kajian beliau juga memperkenalkan seorang responden yang merasakan seronok kerana berpeluang bercakap dalam bahasa Inggeris.

Kawahara (2010) membuat kajian berkenaan orang Jepun yang tinggal lama di Chiangmai, Thailand. Beliau mendapati tahap penguasaan bahasa Thai dan bahasa Inggeris mereka adalah lemah, di mana penggunaan bahasa yang membolehkan mereka berdikari jikalau dibiarkan hidup sendirian adalah amat rendah. Walaupun kebanyakan dari mereka tidak boleh berbahasa tempatan dengan baik tetapi kekangan bahasa bukanlah penghalang untuk menjalani kehidupan seharian mereka. Ini disebabkan terdapat sistem hidup yang berasaskan kepada bahasa Jepun yang disokong oleh segelintir orang tengah yang mempunyai kemahiran berbahasa tempatan menyebabkan mereka boleh mengadakan perbincangan dengan penduduk tempatan. Di samping itu

masyarakat Jepun di Thailand dianggap sebagai rakan niaga yang penting. Tambahan pula, para pesara ini mempunyai banyak masa yang terluang menjadikan mereka sering mendapat jemputan majlis untuk mengeratkan hubungan antara kaum di Thailand.

Kubota (2004) berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Jepun sangat penting terhadap orang tempatan yang memberi perkhidmatan dan berurusan dengan pelanggan warga tua Jepun di tempat mereka. Beliau memfokuskan kes Hawaii, salah satu destinasi yang popular di kalangan orang Jepun. Di Hawaii juga pelawat golongan tua yang tidak mampu berbahasa asing semakin ramai dari tahun ke tahun. Keadaan ini meningkatkan nilai pembelajaran bahasa Jepun di kalangan penduduk Hawaii. Tujuan pembelajaran bahasa Jepun ini harus dibezakan dengan pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ibunda terhadap anak-anak penghijrah pada zaman dahulu.

Ono (2008), di dalam kajiannya, membincangkan tentang pasangan Jepun yang sering berulang-ulang melawat dan tinggal lama di Hawaii, Australia dan Pulau Pinang, Malaysia. Walaupun responden kerap pergi ke tempat yang menggunakan bahasa Inggeris, tetapi kemahiran berkomunikasi mereka dalam bahasa Inggeris adalah terhad. Justeru mereka merasa terpinggir dan didiskriminasi sewaktu berada di Australia. Tetapi mereka tidak rasa begitu janggal semasa bercakap dalam bahasa Inggeris dengan orang tempatan di Malaysia. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor bahawa lazimnya bahasa Inggeris bukan bahasa ibunda bagi penduduk tempatan di Malaysia dan tidak mustahil ada ketikanya tahap bahasa Inggeris penduduk tempatan dengan orang-orang Jepun ini adalah setaraf. Ini menyebabkan mereka merasa lebih selesa dan yakin selamat dengan orang Asia berbanding masyarakat barat.

## METODOLOGI KAJIAN DAN GOLONGAN SASARAN

Kajian ini dijalankan di antara April 2009 sehingga Oktober 2010. Kajian berdasarkan kepada pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Sasaran kajian adalah rakyat Jepun yang memegang visa MM2H dan tinggal di Malaysia.

Untuk kajian secara kuantitatif, kaedah soal selidik dilakukan. Borang soal selidik dihantar ke sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Cameron Highland di mana terdapat ramai masyarakat Jepun bermastautin di bawah program ini. Kerjasama baik diterima daripada Second Home Club, Tropical Resort Lifestyle Sdn. Bhd. dan Kelab Cameron dalam menjayakan pengumpulan 100 sampel kajian.

Untuk kajian kualitatif, lima orang pesara Jepun telah dipilih sebagai sampel sesi temu bual. Peserta diminta menceritakan pengalaman individu serta pandangan mereka tentang kehidupan di Malaysia sebagai peserta MM2H. Di samping itu, sesi temu bual juga dijalankan dengan dua orang tetamu istimewa yang terlibat secara langsung mempromosikan serta mengendalikan peserta-peserta program ini. Mereka sebenarnya bukan responden untuk kajian ini tetapi merekalah yang memperkenalkan kami kepada responden kajian ini. Tetamu yang pertama adalah Presiden Second Home Club, En. Yasuhiko Sakamoto. Beliau adalah pengarang dua buah buku berkenaan MM2H yang popular di Jepun. Beliau juga merupakan salah seorang daripada kelompok yang pertama menyertai program MM2H di Malaysia. Tetamu kedua ialah Presiden Syarikat Tropical Resort Lifestyle, En. Shotaro Ishihara. Sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, beliau telah banyak membantu peserta-peserta Jepun untuk mendapatkan visa. Di samping itu beliau juga memberikan sistem sokongan 24 jam untuk membantu peserta MM2H yang

menghadapi masalah di dalam menjalani kehidupan di Malaysia.

Kajian ini dilakukan berdasarkan data yang dikumpulkan daripada 100 orang responden (55 responden lelaki dan 45 perempuan). Di samping itu, lima orang tetamu sampel (tiga orang lelaki dan dua orang perempuan) diambil sebagai contoh individu. Tambahan itu, temu bual peribadi dengan En.Sakamoto dan En.Ishihara juga dijadikan sumber informasi yang penting dalam kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **LATAR BELAKANG PESERTA JEPUN DALAM PROGRAM MM2H**

Dari kajian yang dijalankan, ciri-ciri para peserta Jepun yang menyertai program MM2H adalah seperti di bawah.

Walaupun program MM2H membenarkan peserta untuk tinggal selama sepuluh tahun di Malaysia, 88% daripada mereka tinggal kurang daripada lima tahun. 23% daripada mereka hanya tinggal dalam jangka masa satu tahun. Seperti rujukan syarat asas dalam Jadual 1, peserta MM2H ini terbuka kepada sesiapa sahaja, tetapi realitinya hampir semua peserta Jepun adalah pesara. Secara lebih konkrit, peserta dalam usia 60-an adalah sebanyak 65%, golongan berumur 50-an adalah 18%, dan usia lingkungan 70-an merangkumi 12% daripada keseluruhan. Kebanyakan peserta iaitu 90% menyertai program MM2H terdiri daripada pasangan suami isteri. Mereka yang datang ke Malaysia bersendirian atau datang bersama anak adalah kurang dari 10%. Di samping itu, dari segi tempat asal peserta, lebih separuh peserta datang dari daerah bandar besar terutama dari kawasan Tokyo. Tetapi terdapat juga peserta dari kawasan utara seperti Hokkaido atau selatan Jepun seperti wilayah Kyushu. Boleh dikatakan peserta-peserta ini datang dari seluruh negara Jepun.

Jika dilihat dari segi latar belakang pendidikan, majoriti peserta terdiri daripada para suami yang merupakan lepasan universiti di samping para isteri yang merupakan lepasan sekolah tinggi. Taburan profesion sebelum mereka menyertai program ini terdiri daripada pekerja syarikat meliputi 36%, suri rumah 30% dan 6% adalah kakitangan kerajaan. Apabila ditanya berkenaan hobi, 51% menggemari sukan golf. Bila ditanya berkenaan pengalaman di luar negara, kebanyakan mereka mempunyai pengalaman luas iaitu lebih 60% menjawab pernah ke luar negara lebih dari sepuluh kali. Destinasi mereka tidak hanya tertumpu pada satu destinasi sahaja, tetapi meliputi Amerika, Eropah dan Asia untuk tujuan pelancongan atau pekerjaan. Walaupun mereka banyak mempunyai pengalaman di luar negara, 63% mengaku bahawa mereka tidak berinteraksi dengan orang asing sewaktu tinggal di Jepun.

### **SEBAB MALAYSIA MENJADI DESTINASI PILIHAN**

Jadual 4 di bawah menunjukkan daya tarikan yang diperolehi daripada soal selidik yang telah dijalankan. Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan ketika menjawab soalan ini.



JADUAL 4. Sebab memilih Malaysia

| No | Jawapan                             | %  |
|----|-------------------------------------|----|
| 1  | Harga barang murah                  | 77 |
| 2  | Cuaca yang sesuai                   | 76 |
| 3  | Keadaan yang selamat                | 70 |
| 4  | Boleh berbahasa Inggeris            | 65 |
| 5  | Sistem perubatan lengkap            | 35 |
| 6  | Rakyat Malaysia suka orang Jepun    | 29 |
| 7  | Dekat dari segi geografi            | 28 |
| 8  | Standard kehidupan tinggi           | 15 |
| 9  | Ramai orang Jepun                   | 15 |
| 10 | Perkhidmatan yang bagus             | 13 |
| 11 | Saudara/Rakan turut tinggal di sini | 9  |
| 12 | Berminat dengan budaya tempatan     | 7  |

Menurut Jadual 4 di atas, tiga faktor utama untuk mereka memilih Malaysia adalah 'harga barang murah' sebanyak 77%, 'cuaca yang sesuai' 76%, dan 'keadaan yang selamat' 70% menunjukkan jawapan lebih dari 70%. Dua faktor utama, iaitu 'harga barang' dan 'cuaca' menjadi daya penarik kepada warga pesara Jepun untuk berhijrah dari Jepun ke luar negara seperti dinyatakan oleh Kubo dan Ishikawa (2004). Hakikatnya harga barang di Malaysia adalah lebih kurang satu pertiga lebih murah berbanding di negara asal mereka. Di samping itu, Malaysia tidak mengalami musim sejuk justeru mengurangkan risiko terdedah kepada penyakit. Oleh itu, mereka sentiasa berasa lebih selesa dan aktif. Jika dibuat perbandingan untuk indeks jenayah di Malaysia dan Jepun, kadar jenayah pembunuhan di Malaysia adalah 2.28 kali berbanding Jepun, manakala indeks untuk kecurian adalah 4.88 kali (Embassy of Japan in Malaysia, 2010). Kadar tersebut boleh dikatakan agak tinggi berbanding Jepun. Walau bagaimanapun, indeks jenayah ini tidak melibatkan warga Jepun di Malaysia. 76% menjawab tidak pernah menghadapi masalah jenayah, manakala 12% menjawab pernah mengalami jenayah-jenayah kecil seperti kecurian atau menjadi mangsa penyeluk saku.

Seterusnya adalah faktor bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas. Bahasa Inggeris adalah bahasa penghantar kedua di Malaysia menjadikan 62% menjawab ianya sebagai faktor penting di Malaysia. Majoriti orang Jepun mendapat pendidikan bahasa Inggeris sejak sekolah menengah rendah hingga institusi pendidikan tinggi. Walaupun mungkin tidak fasih, tetapi mereka tetap mempunyai pengetahuan asas bahasa Inggeris yang memadai untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Sebab yang paling rendah untuk peserta memilih Malaysia adalah faktor 'budaya tempatan' mencakupi 7%. Peserta Jepun hanya menitikberatkan kebaikan faktor ekonomi dan persekitaran, tetapi kurang memberi perhatian berkenaan faktor kemanusiaan.

#### GAYA HIDUP KALANGAN PESERTA JEPUN


Kebanyakan peserta MM2H ini bergantung hidup kepada wang persaraan mereka. Menurut kajian yang dijalankan, kebanyakan peserta membelanjakan di antara 3,000 hingga 5,000 ringgit sebulan seorang untuk kegunaan peribadi. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2009, pendapatan purata bulanan seisi rumah rakyat Malaysia adalah sebanyak 4,000 ringgit (Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2010). Boleh dikatakan walaupun peserta MM2H dari Jepun terdiri daripada

pesara tetapi mereka berbelanja melebihi pendapatan purata rakyat Malaysia. Menurut En. Sakamoto, salah seorang perintis program MM2H ini, terdapat tiga perkara yang wajib untuk pesara Jepun menikmati kehidupan di Malaysia, iaitu bahasa Inggeris, kereta dan komputer. Keupayaan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan peserta akan disentuh kemudian. 69% daripada mereka mempunyai kereta sendiri, sementara kira-kira 90% daripada mereka menggunakan email sebagai medium berkomunikasi. Angka tersebut jauh melebihi jumlah pengguna internet di kalangan warga emas di negara Jepun sendiri (Bunkacho, 2009).

Kebanyakan mereka pulang ke Jepun sekali atau dua kali dalam setahun. 90% dari mereka melanggan berita atau program Jepun di televisyen. Apabila disoal berkaitan rakan tempatan, 24% menjawab 'ramai', 56% menjawab 'sedikit', sementara 24% menjawab 'tiada langsung'. Apabila ditanya berkenaan hubungan di kalangan rakyat Jepun di Malaysia pula, 19% menjawab 'berhubung setiap hari', 33% menjawab 'berhubung 3 hingga 4 kali seminggu', 39% pula memberikan jawapan '1 atau 2 kali seminggu'. Statistik ini menunjukkan kebanyakan peserta Jepun berinteraksi secara rapat dengan rakyat Jepun lain di Malaysia. Ia juga menggambarkan walaupun peserta Jepun ini tinggal untuk tempoh yang agak lama di Malaysia tetapi mereka tidak menitikberatkan hubungan dengan rakyat tempatan. Menurut penerangan oleh En. Sakamoto, keupayaan peserta untuk bercampur gaul sesama rakyat Jepun atau peserta MM2H lain dari Jepun menjadi faktor penting untuk mereka dalam menentukan sama ada boleh tinggal lama atau tidak di Malaysia.

**PENGGUNAAN BAHASA DALAM KALANGAN PESERTA JEPUN**

Dalam menjalankan kehidupan seharian peserta Jepun perlu berkomunikasi dengan rakyat tempatan. Mereka juga perlu membaca dokumen, mendengar radio dan menonton televisyen untuk tujuan hiburan dan mendapatkan maklumat terkini. Rajah 1 di bawah menunjukkan penggunaan bahasa mengikut situasi. Rajah ini diperolehi daripada responden soal selidik yang dijalankan. Penjelasan diberikan dengan peratusan (%).



RAJAH 1. Penggunaan bahasa mengikut situasi


Rajah 1 menunjukkan secara keseluruhannya penggunaan bahasa Inggeris melebihi bahasa Melayu dalam apa jua keadaan. Perkara ini terjadi kerana kebanyakan penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan mereka. Ini juga melibatkan penduduk Jepun yang tinggal di Malaysia yang telah menjadikan bahasa Inggeris menjadi bahasa perantaraan untuk berkomunikasi. Jika dianalisa keputusan tinjauan dengan lebih teliti, bahasa Inggeris digunakan secara meluas melebihi 80% semasa bertanya khabar, memperkenalkan diri dan membeli-belah.

Dalam keadaan lain, kebanyakan mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Jepun. Sebagai contoh, apabila mereka ingin mendapatkan khidmat daripada doktor, mereka akan memilih hospital yang kakitangannya boleh berbahasa Jepun. Keadaan yang sama berlaku apabila menggunakan ejen yang boleh berbahasa Jepun untuk urusan agensi kerajaan. Dari sudut pemilihan bahan bacaan, rancangan televisyen, atau interaksi peribadi seperti menulis e-mel, penggunaan bahasa Inggeris adalah rendah, iaitu kurang daripada 40%. Ini disebabkan untuk penggunaan peribadi yang tidak melibatkan interaksi dengan penduduk tempatan, mereka lebih selesa menggunakan bahasa ibunda.

Seterusnya untuk penggunaan bahasa Melayu, 40% menjawab mereka menggunakan bahasa Melayu untuk ucapan harian. Lebih kurang 20% menggunakan bahasa Melayu semasa memperkenalkan diri dan untuk tujuan membeli-belah. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu adalah kurang dari 10% apabila mereka perlu berinteraksi dengan menggunakan nahu dan struktur yang lebih kompleks. Keadaan ini jelas menunjukkan penggunaan bahasa Melayu amat rendah di kalangan peserta Jepun walaupun mereka tinggal lama di Malaysia.

#### PEMBELAJARAN BAHASA DI KALANGAN PESERTA JEPUN


Bahagian ini akan membincangkan pembelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di kalangan peserta Jepun. Rajah 2 di bawah menunjukkan tempoh pembelajaran bahasa tersebut.



RAJAH 2. Tempoh pembelajaran bahasa

Hampir kesemua mereka pernah mempelajari bahasa Inggeris tetapi hanya 30% yang pernah mengikuti pembelajaran bahasa Melayu. Ini mungkin disebabkan pembelajaran bahasa Inggeris adalah subjek yang diwajibkan di sekolah.

Seterusnya Rajah 3 menunjukkan tahap pencapaian mereka.



RAJAH 3. Tahap pencapaian pembelajaran bahasa

Daripada Rajah 3, kebanyakan daripada peserta menguasai peringkat permulaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, walaupun kebanyakan mereka mengambil masa yang agak lama untuk mempelajari bahasa Inggeris. Untuk peringkat menengah dan lanjutan, 80% daripada mereka adalah terdiri daripada golongan lelaki yang kebanyakan mereka pernah mendapat pendedahan di luar negara menyebabkan mereka dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik berbanding wanita.

Seterusnya, kajian dilakukan untuk mengetahui apakah bahasa yang ingin dipelajari oleh para peserta. Sebanyak 76% responden berpendapat mereka ingin mempelajari bahasa Inggeris, sementara 50% menjawab mereka ingin belajar bahasa Melayu. Ramai daripada peserta ingin meningkatkan tahap penguasaan perbualan bahasa mereka, oleh itu mereka mencari bahan-bahan berkaitan perbualan.

Di samping itu, kebanyakan mereka ingin mempelajari bahasa melalui kelas-kelas bahasa secara formal atau melalui tuisyen perseorangan. Melalui temu bual, salah seorang responden telah memberikan jawapan bahawa beliau ada mengikuti kelas bahasa Melayu yang ditawarkan oleh The Japan Club of Kuala Lumpur. Kelas ini dihadiri oleh majoriti pelajar daripada kalangan pekerja syarikat Jepun di Malaysia. Oleh itu, beliau mendapati agak sukar untuk mengikuti rentak pembelajaran kerana kebanyakan pekerja syarikat ini agak serius. Beliau merasakan bahawa untuk menarik lebih ramai pelajar serta menjadikan pembelajaran lebih berkesan, corak pengajaran di dalam kelas perlu dilaksanakan mengikut keperluan individu yang berbeza, umpamanya untuk golongan pesara dan surirumah dan tidak bertumpu hanya kepada pekerja syarikat.

Walaupun kebanyakan peserta mengikuti kelas pengajaran bahasa, tidak semestinya mereka dapat meningkatkan keupayaan mereka. Menurut En. Ishihara yang mengadakan kelas perbualan bahasa Inggeris di Pulau Pinang, kebanyakan peserta di kelas beliau tidak dapat mengikuti pengajaran dengan baik. Beliau merasakan ini mungkin disebabkan oleh faktor usia yang lewat.

## PERBINCANGAN

Walaupun peserta Jepun tinggal lama di Malaysia tetapi penguasaan bahasa Inggeris serta bahasa Melayu mereka tidak menunjukkan peningkatan. Walaupun keupayaan bahasa mereka agak lemah tetapi mereka masih boleh menjalankan kehidupan di Malaysia. Ini disebabkan oleh terdapatnya sistem sokongan yang baik di kalangan orang-orang Jepun. Walaupun ada masanya mereka terpaksa membayar untuk mendapatkan khidmat sokongan ini seperti menggunakan penterjemah untuk mengisi borang bank atau melanjutkan visa atau meminta agensi menelefon tukang paip jika paip di rumah bocor. Ini membuka peluang perniagaan kepada segelintir pihak seperti pihak agensi peserta MM2H atau agensi penterjemah yang mana ianya boleh membawa manfaat dari segi ekonomi.

Di samping itu, keperluan penggunaan bahasa tempatan amat rendah kerana mereka tidak biasa bergaul dengan rakyat tempatan. Walaupun kebanyakan peserta MM2H ini terdiri daripada mereka yang sudah berumur tetapi keinginan mereka untuk belajar bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu adalah tinggi. Oleh itu penting bagi pihak di Malaysia memberikan sokongan kepada usaha-usaha ini. Perasaan ingin belajar ini timbul kerana mereka berpendapat adalah baik jikalau dapat menguasai bahasa Inggeris yang seterusnya akan menyenangkan hidup mereka. Di samping itu, penguasaan bahasa Melayu juga membolehkan mereka mudah bergaul dengan rakyat tempatan. Boleh diringkaskan, penggunaan bahasa Inggeris lebih dititikberatkan untuk urusan kerja sementara bahasa Melayu digunakan untuk tujuan berkomunikasi. Berdasarkan teori akomodasi oleh Giles (1984), penggunaan bahasa tempatan menunjukkan sikap ramah mereka kepada rakyat tempatan. Ini akan mendekatkan jarak antara keduanya seterusnya terjadi ikatan persahabatan di antara satu dengan lain.

Walaupun terdapat usaha-usaha peserta Jepun yang memperuntukkan banyak masa untuk mempelajari bahasa, realitinya tahap penguasaan bahasa mereka masih tidak menunjukkan kemajuan yang besar. Pembelajaran bahasa tanpa disusuli penggunaan dalam situasi sebenar di luar kelas menyebabkan tahap motivasi mereka tidak dapat dikekalkan. Berdasarkan teori motivasi pembelajaran bahasa asing (Gardner & Lambert, 1972), terdapat dua faktor, iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif adalah lebih kepada peningkatan kemahiran diri dan faedah bercampur gaul, manakala motivasi instrumental pula adalah peluang belajar atau bekerja yang lebih luas menjadi daya penarik. Oleh kerana peserta-peserta Jepun ini adalah daripada golongan yang sudah bersara, motivasi instrumental tidak begitu tinggi jika dibandingkan dengan para pelajar yang mempelajari bahasa asing. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Noora (2008) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di Iran mempunyai motivasi yang sangat tinggi untuk menguasai bahasa Inggeris agar dapat menjamin pekerjaan yang baik pada masa yang akan datang. Oleh kerana itu, sepatutnya motivasi integratif menjadi titik tolak untuk meningkatkan tahap motivasi mereka. Jika peluang untuk berinteraksi dengan rakyat tempatan bertambah, peluang untuk bertukar-tukar fikiran berkenaan budaya akan meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahasa tempatan seterusnya akan mencetuskan nilai positif bagi kedua-dua pihak. Inilah yang membolehkan peningkatan tahap penguasaan bahasa mereka, seterusnya kehidupan mereka di Malaysia menjadi lebih ceria dan bermakna.

Dari sudut ekonomi, program ini sebenarnya menguntungkan kedua-dua belah pihak. Malahan kekurangan penguasaan serta penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu oleh peserta MM2H ini tidak memberi impak yang besar dari sudut ekonomi. Tetapi perlu dilihat juga dari sudut bukan ekonomi yang sebenarnya memberi kesan mendalam terhadap hubungan kedua-dua belah pihak dari segi jangka panjang. Penggunaan bahasa tempatan yang baik dapat membantu para peserta MM2H bergaul dengan penduduk tempatan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan bukan hanya golongan tertentu sahaja. Pergaulan antara peserta MM2H dan penduduk tempatan ini memberi faedah dari sudut bukan ekonomi. Pergaulan yang luas boleh memberi ilmu serta pengalaman baru bagi kedua-dua pihak lantas memperkayakan lagi nilai dalam kehidupan.

Kemahiran menguasai bahasa tempatan oleh peserta MM2H dapat membentuk hubungan kemanusiaan antara dua negara dan ini sekali gus memberi kesan positif terhadap hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Walaupun matlamat asal Kementerian Pelancongan adalah menggalakkan perkembangan industri yang menjadi antara salah satu pendapatan utama negara, pertimbangan dalam melaksanakannya tidak patut dilihat dari sudut nilai wang semata-mata. Adalah sesuatu kerugian kepada negara jika Malaysia yang mempunyai ramai penduduk asing menetap di negara ini tetapi tidak memanfaatkan secara optimum kehadiran mereka dari sudut lain selain daripada faktor ekonomi. Sebagai contoh, memanfaatkan pengalaman profesional mereka atau menyediakan platform untuk pertukaran budaya dengan mereka yang seharusnya dapat menambahkan ilmu dan memberikan pengalaman baru buat penduduk tempatan.

Peserta MM2H boleh menjadi 'jambatan' kepada kedua-dua negara. Harapan peserta MM2H sebagai modal insan bersandarkan dari sumbangan rakyat Jepun kepada penduduk tempatan dan sebaliknya diharapkan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh kedua-dua pihak. Percampuran di antara peserta Jepun dan rakyat tempatan adalah perlu untuk mendekatkan jurang perbezaan di antara keduanya. Ianya mungkin boleh dilakukan dengan adanya orang-orang yang memahami bahasa kedua-dua negara ini. Sebagai contoh, para pelajar tajaan kerajaan Malaysia lepasan universiti Jepun atau para pelajar bahasa Jepun di universiti tempatan boleh dimanfaatkan untuk tujuan di atas. Mereka perlu mendekatkan diri dengan peserta-peserta warga Jepun supaya dapat menjalin hubungan silaturrahim dan dapat saling bantu-membantu di antara kedua pihak.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini membincangkan program MM2H yang dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan tumpuan diberikan terhadap isu berkaitan peserta MM2H dari negara Jepun terutama isu dari sudut penguasaan serta penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ketika mereka berada di Malaysia. Malaysia menjadi destinasi utama di dunia untuk para pesara dari Jepun untuk tinggal lama disebabkan oleh faktor harga barang murah dan cuaca yang selesa. Terdapat beberapa persamaan yang boleh dicungkil daripada kajian ini terhadap cara hidup peserta Jepun di Malaysia. Kebanyakan mereka menjalani kehidupan golongan menengah yang majoritinya sudah banyak mempunyai pengalaman di luar negara sebelum ini. Kebanyakan mereka mempunyai kenderaan sendiri dan mempunyai kemahiran penggunaan komputer. Tetapi dari segi penguasaan

bahasa, kajian mendapati mereka kurang menggunakan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Boleh dirumuskan kekurangan ini adalah kerana terdapatnya sistem sokongan yang mampu berbahasa Jepun yang membantu melancarkan kehidupan mereka di sini tanpa perlu menggunakan kedua-dua bahasa tersebut. Walaupun mereka menetap di Malaysia tapi pergaulan mereka sebenarnya masih terhad terhadap masyarakat Jepun sahaja. Peluang untuk berinteraksi dengan rakyat tempatan boleh meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahasa tempatan seterusnya akan mencetuskan nilai positif bagi kehidupan mereka. Kepuasan peserta menunjukkan masa depan yang cerah untuk program berjaya dan lebih maju ke hadapan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di atas tajaan geran penyelidikan berkenaan Jepun di Asia oleh The Sumitomo Foundation yang berkod SK/05/2009/GLAK.

## RUJUKAN

- AON (2010). *European workers want to retire abroad... and ideally to the sun*. Retrieved 7 Disember, 2010 from <http://aon.mediaroom.com/index.php?s=43&item=1987>
- Azam Noora (2008). Iranian undergraduates non-English majors' language learning preferences. *GEMA™ Online™ Journal of Language Studies*. Vol 8(2), 33-44.
- Bunkacho (2009). *Heisei 20 nendo 'Kokugo ni kansuru yoron chousa' no kekka ni tsuite*. Retrieved 10 Disember, 2010 from [http://www.bunka.go.jp/kokugo\\_nihongo/yoronchousa/h20/kekka.html](http://www.bunka.go.jp/kokugo_nihongo/yoronchousa/h20/kekka.html)
- Embassy of Japan in Malaysia (2010). *Nihon to Malaysia no hanzai hasseiritsu no hikaku*. Retrieved 5 Disember, 2010 from [http://www.my.emb-japan.go.jp/Japanese/guide/2\\_2.html#hanzai](http://www.my.emb-japan.go.jp/Japanese/guide/2_2.html#hanzai)
- Embassy of Japan in Malaysia (2010). *Malaysia zairyuu houjin suu no chousa kekka ni tsuite*. Retrieved 5 Disember, 2010 from <http://www.my.embjapan.go.jp/Japanese/ryoji/census/2009.htm>
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, Mass: Newbury House Publishers Inc.
- Giles, H. (1984). *The dynamics of speech accommodation: IJSL 46*. The Hague: Mouton.
- Ip, D., Wu, C.-T. & Inglis, C. (1998). Settlement experiences of Taiwanese immigrants in Australia. *Asian Studies Review*. Vol 22, 79-97.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2010). *Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970-2009*. Retrieved 7 Disember, 2010 from <http://www.epu.gov.my/household-income-poverty>
- Kawahara, M. (2010). Adaptive strategy of Japanese senior long-term stayers and local community responses in Chiangmai. *The journal of Thai studies*. Vol 10, 35-55.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. (2010). *Malaysia My Second Home Programme*. Retrieved 1 Disember, 2010 from <http://www.mm2h.gov.my/japanese/index.php>
- Kementerian Pelancongan Malaysia. (2010). *Malaysia My Second Home Programme-Statistics*. Retrieved 1 Disember, 2010 from <http://www.mm2h.gov.my/statistic.php>

- King, R., Warnes, T. & Williams, A. (2000). *Sunset lives?: British retirement migration to the Mediterranean*. Oxford: Berg.
- Kubo, T., & Ishikawa, Y. (2004). Searching for "paradise": Japanese international retirement migration. *Japanese Journal of Human Geography*. Vol 56(3), 74-87.
- Kubota, A. (2004). Sa-bisu nihongo toiu kangaekata, *Showa Joshi Daigaku Daigakuin Nihongo Kyouiku Kenkyuu Kiyuu*. Vol 2, 65-69.
- Long Stay Foundation. (2010). *Long stay chousa toukei 2010*. Tokyo: Long Stay Foundation.
- Masaki, M. (2003). Language contact and admixture: Sociolinguistic perspectives on Brazilian Nikkey. *Osaka University the 21<sup>st</sup> Century COE Program Interface, Humanities Research Activities 2002-2003*. Vol 5, 110-123.
- Nagatomo, J. (2007). The social transformation of the Japanese society in the 1990s and the Japanese migration to Australia: The relationship between the changes in lifestyle values and migration decision. *The Otemon Journal of Australian Studies*. Vol 33, 177-200.
- Nagatomo, J. (2008). *From tourist to migrant: the interaction between work-oriented lifestyle, tourism experience, and migration decision among Japanese lifestyle migrants to Australia*. Retrieved 12 Disember, 2010 from <http://arts.monash.edu.au/mai/asaa/junnagatomo.pdf>
- Ono, M. (2008). Long-stay tourism and international retirement migration: Japanese retires in Malaysia. *Transnational Migration in East Asia Senri Ethnological Reports*. Vol 77, 151-162.
- Sato, M. (2001). *Farewell to Nippon: Lifestyle migrants in Australia*. Melbourne: Trans Pacific Press.
- Siti Hamin Stapa, Normalis Amzah, Hieda, N. & Musaev, T. (2010). Investigating social issues among the Japanese adapting Malaysia as a second home. *Proceedings of the Forth International Malaysia-Thailand Conference on Southeast Asian Studies. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*. The Star. *Malaysia is top spot for Japanese*, 2 December 2010, p. 20.

## PENULIS

Siti Hamin Stapa (PhD) adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Natsue Hieda adalah Guru Bahasa Jepun di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Normalis Amzah adalah Guru Bahasa Jepun di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Musaev Talaibek (PhD) adalah Pensyarah Pelawat di Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.





Haraplah ke arah ini untuk maklumat lanjut.

## GUIDELINES FOR SUBMISSION OF ARTICLES

**GEMA Online<sup>R</sup> Journal of Language Studies** is an internationally refereed scholarly online journal published by UKM Press. The aim of this journal is to provide a venue for language researchers and practitioners to share theories, views, research results and classroom practices. Submission for publication can be in English and Bahasa Melayu. Papers should not be less than 5000 and not more than 8000 words. Papers on theories and practices including those on discussions of and reflections on methods, techniques and ideas useful in the classroom are welcomed. There must be critical discussion of the issues, new and significant contribution to the related field.

Articles can be from any of the following areas:

- Linguistics; cross-cultural linguistic research and theory, and applied linguistics.
- Teaching of English (issues and topics on ELT, ESL or EFL).
- Literature; postcolonial literature, new literatures in English, popular literature.
- Teaching of other Languages (issues and topics on teaching of other languages).

Manuscripts should use Times New Roman (font 12) with tables and figures embedded in the text itself and are camera ready upon submission. Hardcopies will be published on demand. In view of that, UKM Press reserve the copyright of all papers published in this journal. GEMA Online<sup>R</sup> Journal of Language Studies now uses an online system for manuscript submission and review. Please register as an author and follow the instructions on the online submission site <http://ejournal.ukm.my/gema>

For more details, consult the homepage of the journal:  
<http://ejournal.ukm.my/gema>